

Headline	Peserta, orang ramai diingot patuhi peraturan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	22 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	314,321
Page No	59	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,206



Peserta, orang ramai diingot patuhi peraturan

Johor Bahru: Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) mengingatkan orang ramai yang akan menghadiri Harian Metro Mountain Bike Grand Prix Cuti-Cuti Malaysia hari ini serta pesertanya supaya mematuhi peraturan yang sudah ditetapkan di Hutan Bandar MPJBT Mutiara Rini.

Yang Dipertua MJBH Sallehuddin Hassan berkata, ini kerana, pihaknya sudahewartakan Hutan Bandar MPJBT sebagai tempat riadah serta kawasan larangan merokok.

"Hutan Bandar MPJBT Mutiara Rini diwujudkan khas untuk kemudahan orang ramai beriadah serta melakukan aktiviti santai bersama keluarga.

"Malah, pokok yang ditanam di sekitar hutan bandar berkenaan dibawa khas dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong, Kuala Lumpur.

"Kerana itu, MPJBT berharap supaya pengunjung memanfaatkan kemudahan dan prasarana disediakan



Hutan Bandar MPJBT Mutiara Rini diwujudkan khas untuk kemudahan orang ramai beriadah serta melakukan aktiviti santai bersama keluarga"
Sallehuddin Hassan

sebaiknya tanpa melakukan kerosakan dan kekotoran," katanya.

Menurut Sallehuddin, tin-

dakan akan diambil sekiranya ada individu yang melanggar peraturan ditetapkan.

Beliau berkata, papan tanda larangan sudah dipasang di sekitar kawasan berkenaan sebagai peringatan kepada pengunjung.

"Justeru, kami yakin pengunjung khususnya yang akan menyertai acara Ahad ini faham, tambahan petugas MPJBT turut akan melakukan pemantauan.

"MPJBT akan mengenakan kompaun RM250 terhadap individu yang melanggar peraturan ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Sallehuddin memaklumkan tiada aktiviti jualan akan diadakan pada hari kejohanan.

"Kami sudah berbincang dengan penganjur dan memutuskan untuk tidak membenarkan mana-mana peniaga membuka gerai di Hutan Bandar MPJBT pada hari pertandingan.

"Ia bagi mengelakkan berlakunya kesesakan jalan raya yang akan menyusahkan orang ramai," katanya.